

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

HGM 338 Geografi Ekonomi dan Pembangunan

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **TUJUH [7] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT [4]** soalan.

1. **Jadual 1**

Pra 1930an	Pengantarabangsaan perdagangan	Syarat-syarat untuk perluaskan ruang sempadan demi pengaliran modal.
1930an	Penstrukturran semula krisis berasaskan peraturan kewangan	Penambahan penglibatan Negara dan regulasi.
Boom panjang selepas 1945	Pengantarabangsaan pengeluaran	Penambahan pasaran dalaman yang diuruskan oleh Negara dan pasaran eksport.
1970an - 1980an	Penstrukturran semula krisis berasaskan peraturan kewangan	Tafsiran semula ciri-ciri dan peranan Negara. Reregulasi melalui pengurangan peranan Negara dalam ekonomi, peralihan institusi Negara dan peningkatan rangka kerja regulasi pasaran neo-liberal.
1990an	Integrasi Antarabangsa rangkaian kewangan, perdagangan dan pengeluaran	Perluasan opsyen regulatori pada skala geografi yang berbeza.

Skema pembangunan kapitalisme barat pada abad kedua puluh.

.../2

- [a] Senaraikan lima [5] ciri utama kapitalisme.  
[10 markah]
- [b] Bincangkan bagaimana skema ini bertindak sebagai mod pengeluaran, pengedaran dan konsumsi.  
[15 markah]
2. Bincangkan kitaran hayat produk dan implikasi kepada peralihan pembangunan ekonomi peringkat global dan nasional.  
[25 markah]
3. Dasar perdagangan mempunyai rangka institusi antarabangsa yang dinamakan Persetujuan Am Tarif dan Perdagangan (General Agreement on Tariffs and Trade - GATT) dan Orde Dagangan Dunia (World Trade Order - WTO).
- [a] Apakah objektif-objektif GATT dan WTO?  
[ 5 markah]
- [b] Bincangkan sejauhmana objektif-objektif GATT tercapai.  
[10 markah]
- [c] Apakah takrifan Sijil Organisasi Piawai Antarabangsa (International Standards Organization) dan objektif Sijil ISO.  
[10 markah]
4. [a] Huraikan pola dan struktur sektor perdagangan selepas 1970 hingga 1995.  
[10 markah]
- [b] Bincangkan kesan peralihan pola dagangan di negara maju atau dirantau Asia Pasifik.  
[15 markah]

.../3

5. Korporat Antarabangsa (Transnational Corporation - TNC) adalah saluran utama pelaburan terus asing.

[a] Apakah takrifan korporat antarabangsa dan dua contoh TNC.

[10 markah]

[b] Bincang sejauhmana ciri-ciri TNC mengukuhkan kepentingan dan peranan mereka sebagai saluran pelaburan terus asing. Sokong hujah-hujah anda dengan contoh-contoh yang sesuai.

[15 markah]

6. Bincangkan peralihan hubungan antara populasi, guna tenaga dan isi rumah di Malaysia sejak 1980 hingga kini.

[25 markah]

7. Sektor perkhidmatan telah menjadi paling kompleks dengan pengedaran masa. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada peranan sektor ini dalam rangkaian pengeluaran dan sfera pengedaran.

[25 markah]

--oo000oo--

